JOIN TELEGRAM
@exercise_students
UNTUK ANALISIS & TIPS SPM 2026 !

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2026**
**TINGKATAN 5**

**GEOGRAFI** **2280/1**

**Kertas 1**
**Julai**
1¼ jam **Satu jam lima belas minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **40** *soalan.*
2. *Jawab* **semua** *soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu* ***A, B, C*** *dan* ***D****.* *Bagi setiap soalan, pilih* ***satu*** *jawapan sahaja.* ***Hitamkan*** *jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

**Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak**

Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group

1 Rajah 1 di bawah menunjukkan struktur bumi.




Rajah 1

Berdasarkan rajah 1 di atas, **P** mewakili lapisan

A kerak bumi
B mantel
C teras luar
D teras dalam

2 Bagaimanakah batuan igneus boleh berubah menjadi batuan metamorfosis?

A Perekatan serpihan batuan
B Pemadatan dan penyimenan
C Proses tekanan haba yang tinggi
D Penyejukan dan pembekuan magma

3 Apakah kesan negatif kejadian letusan gunung berapi kepada manusia?

I Kawasan pertanian musnah
II Kemusnahan harta benda
II Kemusnahan habitat flora
IV Pencemaran udara

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

4 Bagaimanakah aktiviti manusia boleh menyebabkan berlakunya proses pergerakan jisim?

A Pembinaan pelabuhan perikanan
B Kegiatan akuakultur di kawasan paya
C Pembinaan petempatan di kawasan cerun bukit
D Pembajakan tanah untuk penanaman padi di kawasan delta

5 Bagaimanakah kerajaan melaksanakan langkah pemuliharaan hidupan liar di Malaysia?

A Mewujudkan ladang hutan
B Menjalankan rawatan silvikultur
C Melaksanakan projek pe3mbiakan
D Menggalakkan kegiatan akuakultur

6 Foto 1 di bawah menunjukkan fenomena cuaca.



Foto 2

Apakah langkah persediaan awal untuk mengurangkan risiko yang berpunca daripada fenomena cuaca tersebut?

I Menyelenggara sistem perparitan
II Menguatkuasa undang-undang
III Menjaga keselamatan mangsa
IV Sistem amaran awal

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7 Apakah bentuk muka bumi yang terbentuk di peringkat hulu sungai?

A Delta
B Air terjun
C Susuh bukit
D Likuan sungai

8 Apakah spesies haiwan karnivor dalam ekosistem Hutan Hujan Tropika?

A Rusa
B Burung
C Harimau
D Beluncas

9 Foto 2 menunjukkan peringkat aliran sungai.



Foto 3

Apakah bentuk muka bumi yang dihasilkan di peringkat aliran sungai dalam Foto 2?

A Jeram
B Tasik ladam
C Lubuk tunjam
D Dataran banjir

10 Apakah fungsi pengurai dalam ekosistem Hutan Hujan Tropika di Malaysia?

A Membekalkan nutrien kepada tanih
B Menyerap tenaga dari cahaya matahari
C Sumber makanan kepada pengguna tertier
D Merupakan komponen abiotik dalam ekosistem

11 Jadual 1 menunjukkan jangkaan perubahan suhu dunia.

| Tahun | Perubahan Suhu Dunia |
|---|---|
| 2010 | 0.4 ºC |
| 2030 | 2.0 ºC |
| 2060 | 4.0 ºC |

Jadual 1

Sekiranya fenomena dalam Jadual 2 berlaku, apakah kesan terhadap terhadap alam sekitar?

A Hujan asid
B Pencemaran udara
C Aras laut meningkat
D Halaju angin berkurangan

12 **Jadual 2** menunjukkan suhu bulanan bagi stesen Q.

| Bulan | J | F | M | A | M | J | J | O | S | O | N | D |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Suhu (°C) | 27 | 28 | 29 | 29 | 29 | 28 | 28 | 28 | 28 | 28 | 28 | 27 |

**Jadual 2**

Berapakah min suhu tahunan di stesen Q?

A. 27°C

B. 28°C

C. 29°C

D. 30°C

13 Berikut adalah ciri - ciri tumbuh tumbuhan semula jadi.

- Malar hijau
- Pokok berbentuk kon
- Daun berbentuk jarum

Kawasan berlorek yang manakah dalam Peta 1 berkaitan dengan ciri - ciri tumbuh - tumbuhan di atas?




Peta 1: DUNIA

14 Foto 3 menunjukkan sejenis tumbuh - tumbuhan semula jadi di Malaysia.



Foto 4

Apakah kesan terhadap alam sekitar jika kawasan tumbuh - tumbuhan dalam foto 3 ditebus guna?

A Peningkatan aras laut

B Peningkatan suhu global

C Kemusnahan hidupan akuatik

D Kehilangan kawasan tadahan air

15 Peta 2 menunjukkan lokasi tumbuh tumbuhan semula jadi.



Peta 2: DUNIA

Apakah faktor yang mempengaruhi pertumbuhan tumbuh – tumbuhan semula jadi di kawasan berlorek?

I Panas dan lembab sepanjang tahun
II Musim panas yang pendek
III Hujan antara 500 mm hingga 600 mm
IV Min suhu tahunan 27º C

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

16 Mengapakah berlaku pengaliran wang negara Malaysia yang tinggi ke negara Indonesia dan Bangladesh?

A Imigrasi meningkat
B Emigrasi meningkat
C Kos sara hidup tinggi
D Pertumbuhan penduduk semula jadi tinggi

17 Apakah ciri kependudukan di negara yang bertanda X dan Y dalam Peta 3?




Peta 3: DUNIA

A Jangka hayat rendah
B Kadar kelahiran tinggi
C Taraf pendidikan tinggi
D Taraf kesihatan rendah

18 Berikut adalah lokasi industri di Malaysia.

- Kulim, Kedah
- Tanjong Malim, Perak
- Pekan, Pahang

Apakah jenis industri utama yang terdapat di kawasan tersebut?

A Besi dan keluli
B Pemasangan kenderaan
C Elektrik dan elektronik
D Membina dan membaiki kapal

19 Langkah untuk mengatasi masalah petempatan setinggan di Malaysia ialah

A membina bandar baharu
B memajukan kawasan tanah terbiar
C menambahkan peluang pekerjaan
D membina rumah kos rendah

20 Antara yang berikut, yang manakah komponen biotik dalam ekosistem hutan semula jadi?

A Tanih
B Hujan
C Organik
D Bakteria

21 Berikut adalah lembaga pembangunan wilayah di Malaysia.

- Lembaga Kemajuan Johor Tenggara(KEJORA)
- Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)

Apakah kegiatan ekonomi yang mempengaruhi petempatan di kawasan tersebut?

A Pertanian
B Perikanan
C Pelancongan
D Perlombongan

22 Berikut adalah bandar - bandar di Semenanjung Malaysia.

- Seremban, Negeri Sembilan
- Ipoh, Perak

Kemunculan bandar - bandar tersebut dipengaruhi oleh

A lokasi bandar diraja
B pusat pendidikan tinggi
C kawasan pertanian ladang
D perlombongan bijih timah

23 Mengapakah trend berkeluarga kecil menjadi keutamaan masyarakat bandar di Malaysia?

A Dasar kerajaan
B Taraf kesihatan tinggi
C Keluasan rumah terhad
D Wanita mementingkan kerjaya

24 Mengapakah buruh asing diperlukan dalam sektor perladangan di Malaysia?

A Kadar upah tinggi
B Berkemahiran tinggi
C Pemindahan teknologi
D Warga tempatan tidak berminat

25 Apakah perubahan ekonomi yang menunjukkan kemajuan petempatan desa?

A Jalan raya yang baik
B Kemudahan klinik kesihatan
C Kemudahan bekalan air bersih
D Banyak industri kecil dan sederhana

26 Berikut adalah bandar - bandar di Malaysia.

- Port Dickson, Negeri Sembilan
- Lumut, Perak

Apakah fungsi bandar - bandar tersebut?

A Bandar diraja

B Bandar pertahanan

C Bandar pendidikan

D Bandar pelancongan

27 Mengapakah bandaraya Kuala Lumpur sangat padat dengan penduduk?

A Migrasi antarabangsa

B Peluang pekerjaan

C Kegiatan pertanian

D Taraf hidup tinggi

28 Mengapakah kempen sayangi sungai kita dijalankan oleh pihak berkuasa?

A.Menggalakkan aktiviti pelancongan

B.Memastikan sungai sentiasa cantik

C.Menjadikan sungai kawasan perikanan

D.Mendidik masyarakat tentang kepentingan sungai

29 Faktor yang mempengaruhi Hutan Monsun Tropika menggugurkan daun pada bulan Mac hingga Mei setiap tahun ialah

A tekanan udara tinggi

B proses fotosintesis aktif

C kadar kelembapan tinggi

D mengurangkan kehilangan air

30 Antara berikut, kombinasi manakah yang benar tentang ciri - ciri kependudukan?

| | Negara Penduduk kurang | Negara Penduduk padat |
|---|---|---|
| A | Jangka hayat tinggi | Teknologi rendah |
| B | Taraf pendidikan tinggi | Jangka hayat tinggi |
| C | Teknologi rendah | Kadar kelahiran tinggi |
| D | Kadar kematian tinggi | Teknologi tinggi |

31 Apakah langkah untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di kawasan bandar besar di Malaysia?

A Mewujudkan laluan pejalan kaki

B Membina lampu isyarat di persimpangan jalan

C Membina jaringan jalan raya yang lurus

D Meningkatkan kecekapan pengangkutan awam

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group

32 Apakah kaedah yang sesuai dijalankan untuk mewujudkan zon penampan di tepi pantai?

A Memasang alat penggera mengesan tsunami

B Mengadakan kempen kesedaran alam sekitar

C Menjalankan latihan menghadapi bencana alam

D Menanam pokok bakau untuk mencegah hakisan

33 Apakah kesan terhadap alam sekitar akibat penerokaan hutan bagi tujuan pertanian ladang?

A Peningkatan nutrien tanih

B Pengurangan jumlah hujan

C Kesuburan tanih meningkat

D Kepelbagaian biodiversiti berkurang

34 Apakah langkah yang boleh mengatasi masalah berikut?

- Dianggarkan 10, 000 hingga 15, 000 haiwan mati akibat penebangan 1 kilometer persegi kawasan hutan yang menjadi habitat hidupan liar.

**Sumber:*Kementerian Perusahaan Utama Malaysia***

A Mewujudkan hutan simpan

B Melakukan penebangan terilih

C Mengadakan rawatan silvikultur

D Melaksanakan penghutanan semula

35 Apakah langkah yang dilakukan oleh kerajaan Arab Saudi untuk mendapatkan bekalan air bersih?

A Membina terusan

B Pembenihan awan

C Penyahgaraman air laut

D Mewujudkan kawasan tadahan

36 Foto 4 menunjukkan sisa pertanian.



Foto 5

Sisa pertanian tersebut boleh digunakan untuk menghasilkan tenaga

A kinetik

B biojisim

C biokimia

D geoterma

37 Apakah sumbangan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) kepada negara - negara Asia Tenggara?

A Mengurangkan tarif barangan

B Penggunaan mata wang yang sama

C Kemudahan industri gas dan petroleum

D Kerjasama dalam sektor pembuatan automotif

38 Foto 5 menunjukkan penjanaan sumber tenaga alternatif.



Foto 6

Apakah kebaikan penggunaan sumber tenaga tersebut terhadap penduduk?

A Bekalan tenaga berterusan

B Kos import bahan api jimat

C Mengurangkan kos pembinaan

D Meningkatkan kos penyelenggaraan elektrik

39 Apakah kesan terhadap alam sekitar akibat aktiviti berikut?

- Penternakan ayam
- Penternakan khinzir

A Tanih tandus
B Hakisan tanih
C Pencemaran air
D Kepupusan flora

40 Foto 6 menunjukkan pandang darat akibat proses luluhawa.



Foto 7

Apakah proses luluhawa yang menghasilkan pandang darat dalam Foto 6?

A Tindakan ibun
B Pengkarbonan
C Kembang kecut
D Penghabluran garam

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**